

Kepimpinan organisasi pembelajaran dalam pendidikan TVET

MINDA PENDIDIK

Oleh PROF. MADYA DR. ABDUL SAID AMBOTANG & GHAZALI SULAIMAN

SEKOLAH yang secara umumnya dikendalikan oleh kerajaan khususnya di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah sebuah institusi pendidikan yang tidak berorientasikan perniagaan tetapi lebih memfokuskan kepada pemberian ilmu pengetahuan terhadap muridnya. Sungguhpun begitu, dengan perkembangan teknologi dan ilmu pengetahuan terkini, ibu bapa mahukan anak mereka mendapat pendidikan yang terbaik di sekolah.

Justeru, sekolah perlu menjadi sebuah organisasi yang berkesan dalam menyebarkan ilmu pengetahuan bagi meningkatkan tahap kecemerlangan murid. Lantaran itu, kebanyakan pengkaji terdahulu menyatakan antara ciri sekolah berkesan di Malaysia adalah sekolah sebagai organisasi pembelajaran. Organisasi pembelajaran mempunyai kebaikan dan kelebihan dari segi

menggalakkan pembelajaran berterusan kepada ahli atau warga sekolah.

Pembelajaran berterusan adalah satu faktor yang dapat mewujudkan motivasi dalam kalangan murid untuk belajar dan guru untuk melaksanakan tugas sebaik mungkin. Sekolah sebagai organisasi pembelajaran bukan sekadar untuk masa kini sahaja malahan juga untuk masa akan datang. Oleh itu, langkah kepimpinan yang paling wajar dilaksanakan di sekolah pada masa kini adalah dengan menjadikan sekolah sebagai organisasi pembelajaran yang berkesan.

Para pengkaji mendapati kepimpinan memainkan peranan paling penting dalam proses mentransformasikan organisasi untuk menjadi sebuah komuniti pembelajaran dengan peranan utama kepimpinan dalam proses transformasi ini ialah menjana dan mengurus perubahan secara konsisten. Seseorang pemimpin diharapkan dapat memenuhi tanggungjawab sebagai pengurus perubahan seperti memberi sokongan dan nasihat, membina pasukan yang saling menyokong antara satu sama lain, serta

mempunyai visi yang jelas dalam memacu organisasi yang dipimpin. Tidak cukup dengan itu, seorang pemimpin juga perlu jujur, tulus dan berintegriti serta bersedia mengakui kekurangan dan kelemahan diri.

Berfokus kepada aspek kepimpinan organisasi pembelajaran Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) yang tidak dapat dinafikan mendapat sambutan yang hangat ketika ini, antara amalan kepimpinan organisasi pendidikan TVET adalah memberi lebih penekanan kepada peranan kepimpinan sekolah untuk menyediakan ruang dan peluang yang dapat menyokong pembelajaran guru, menjadi model pembelajaran, menggalakkan inovasi, memberikan penghargaan dan pengiktirafan sepenuh hati serta membangunkan potensi warga sekolah secara berterusan.

Sehubungan itu, antara amalan yang paling banyak ditemui dalam penulisan berkaitan kepimpinan organisasi pembelajaran TVET ialah memberikan penghargaan dan pengiktirafan. Penghargaan dan pengiktirafan ini merupakan

pendekatan pengurusan dan kepimpinan yang amat berkesan kepada pengurus sekolah terhadap orang bawahannya.

Pernyataan penghargaan dan pengiktirafan sama ada dalam bentuk pemberian hadiah, sijil dan imbuhan kewangan atau sekadar ucapan terima kasih adalah amat bermakna dalam konteks membina hubungan antara pemimpin dan orang yang dipimpinnya. Selain itu, penghargaan tersebut boleh dianggap sebagai satu kaedah memotivasikan orang yang dipimpin oleh pemimpinnya. Para pengkaji juga mendapati amalan kepimpinan yang paling kerap diamalkan dalam organisasi pembelajaran TVET adalah menggalakkan pengaruh yang ideal, memberikan motivasi dan inspirasi serta membina stimulasi intelektual kepada guru seperti dalam kajian mereka berkaitan sebuah sekolah yang mengaplikasikan falsafah organisasi pembelajaran di Singapura mendapati bahawa peranan utama pemimpin sekolah adalah memberi kefahaman terhadap guru untuk menerima falsafah pembelajaran tersebut dalam institusi atau

organisasi.

Di samping itu, peranan penting kepimpinan dalam organisasi pembelajaran TVET adalah untuk menggalakkan guru dan kakitangan terus meningkatkan ilmu profesionalisme. Justeru, pemimpin perlu merancang dan menyediakan latihan yang bersesuaian kepada orang bawahannya. Pelaksanaan amalan kepimpinan organisasi pembelajaran ini pada tahap yang tinggi sudah tentu dapat melancarkan proses transformasi sekolah menjadi organisasi pembelajaran yang berkesan secara berterusan.

Oleh yang demikian, kepimpinan organisasi pembelajaran khususnya dalam TVET akan dapat melahirkan bukan sahaja murid yang mempunyai kemahiran dalam bidang teknikal dan vokasional malahan mempunyai keboleherjaan seperti dapat berkomunikasi dengan berkesan, dapat berfikir secara kreatif dan kritis dalam menyelesaikan sesuatu masalah dan dapat membuat keputusan dengan bijak melalui pendidikan dan latihan kemahiran yang

diberikan oleh tenaga pengajar bertunjangkan pengurus sekolah atau pemimpin yang komited dan bertanggungjawab. Adalah diharapkan kepimpinan sekolah dilatih untuk menginstitusikan amalan kepimpinan organisasi pembelajaran TVET dengan pemantauan yang berkala oleh pihak berkaitan.

Dari sudut amalan pula, kepimpinan sekolah perlu mengaplikasikan amalan tersebut berdasarkan konteks sekolah masing-masing. Oleh sebab kepimpinan organisasi pembelajaran TVET bersifat fleksibel, pasti mudah diaplikasikan dalam pelbagai keadaan dan konteks sekolah melalui pembangunan modal insan guru yang perlu diberi perhatian sewajarnya dalam melaksanakan amalan kepimpinan tersebut agar dapat meningkatkan pencapaian murid dan keberkesanan sekolah secara keseluruhannya.

** Penulis adalah pensyarah kanan dan pelajar di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah*